

BENDUNG PENCEROBOHAN KAPAL NELAYAN ASING

Akta Perikanan 1985 dipinda



Pindaan bagi tangani
kelonggaran undang-undang
serta meningkatkan
hukuman dan timbul rasa
gerun nelayan asing yang
menceroboh, mencuri hasil
laut negara → **MS.5**

PENCEROBOHAN KAPAL ASING DALAM INDUSTRI PERIKANAN NEGARA

Pinda akta, tambah hukuman

● Langkah
tangani
kelonggaran
undang-undang,
tingkat hukuman
nelayan asing curi
hasil laut negara

**Oleh Khairul Azran Hussin,
Amin Ridzuan Ishak
dan Nurul Nadia Shaari**
bhnews@bh.com.my

► Shah Alam

A kta Perikanan 1985 akan dipinda bagi menangani sebarang kelonggaran serta meningkatkan hukuman, bagi memberikan rasa gerun dalam kalangan nelayan asing yang mencero boh perairan untuk mencuri hasil laut negara ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, berkata agensi berkaitan diarah menyemak dan meneliti semua perkara berkenaan, termasuk menambah hukuman kepada pesalah yang disabitkan kesalahan merompak hasil laut negara.

“Perkara (hukuman) itu boleh ditingkatkan dan dicadangkan kepada kerajaan. Cuma, masalah berlaku apabila hanya sebuah kapal (nelayan) asing yang ditahan, tetapi gagal dibuktikan merompak atau mencuri hasil laut kita.

Lindungi industri perikanan

“Jika ada dua kapal bersama-sama (kapal nelayan tempatan dan asing), kita boleh buktikan (bersubahat). Apa pun, saya mahu Jabatan Perikanan mengkaji perkara ini,” katanya selepas merasmikan Program Kelulut Walk sempena Hari Sukan Negara di Taman Botani, Bukit Cahaya, di sini, semalam.

Kelmarin, Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim, menyokong Akta Perikanan 1985 dipinda

bagi mengatasi kelemahan penguatkuasaan undang-undang oleh agensi berkaitan dalam usaha melindungi industri perikanan negara.

Irmohizam dilaporkan berkata, antara perkara yang perlu ditambah baik adalah mengenakan hukuman lebih berat kepada nelayan asing, termasuk memusnahkan kapal atau bot mereka yang disabit kesalahan.

Cadangan pindaan itu timbul selepas pendedahan *BH*, mengenai kelemahan undang-undang menyebabkan operasi membanteras pencero bohan kapal asing dalam industri perikanan negara tidak berkesan.

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) mendedahkan, empat kapal kargo asing yang ditahan kerana mencero boh perairan pantai timur negara tahun ini, hanya dikompaun RM2,000 meskipun dikesan meraih hasil laut negara ini daripada bot tempatan kendalian awak-awak asing di tengah samudera.

Kadar denda rendah

Kapal kargo asing terbabit tidak dapat didakwa mengikut Akta Perikanan 1985 kerana tiada kelengkapan menangkap ikan, walaupun dileng-

kapi mesin pembungkusan hasil laut serta peti sejuk beku untuk menyimpan bekalan yang diraih daripada bot nelayan.

Kadar denda rendah mengikut Ordinan Perkapalan Saudagar (MSO) 1952 itu, menyebabkan gerakan pembanterasan tidak berbaloi berbanding kos yang terpaksa ditanggung oleh APMM, setiap kali keluar menjalankan operasi di laut.

Sementara itu, Unit Komunikasi Korporat Jabatan Perikanan, menerusi kenyataannya, meminta cadangan pindaan Akta Perikanan seperti disuarakan APMM, disampaikan menerusi saluran perundangan agensi berkaitan untuk dikaji.

Dalam kenyataan itu, Jabatan Perikanan mengakui, tidak dapat mengambil tindakan terhadap pencero bohan kapal kargo asing di perairan negara kerana tertakluk MSO.

“Jika tangkapan membabitkan aktiviti pindah kapal, di antara vesel kargo asing dan penangkapan ikan tempatan, masing-masing boleh didakwa mengikut Seksyen 15(2) serta Seksyen 20 Akta Perikanan 1985, yang sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM1 juta kepada tekong dan RM100,000 bagi setiap kru asing.

“Pembatalan lesen juga dibuat terhadap vesel penangkapan ikan tempatan,” katanya.



Perkara (hukuman) itu boleh ditingkat dan dicadangkan kepada kerajaan. Cuma, masalah berlaku apabila hanya sebuah kapal (nelayan) asing yang ditahan, tetapi gagal dibuktikan merompak hasil laut kita”

Ahmad Shabery Cheek,
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani



Keratan akhbar BH, kelmarin.